



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
ANGGARAN KELUARAN DALAM NEGERI KASAR AWALAN
SUKU TAHUN KEDUA 2024

KDNK Malaysia dijangka berkembang 5.8 peratus pada suku tahun kedua 2024

PUTRAJAYA, 19 Julai 2024 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan anggaran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) awalan¹ bagi suku tahun kedua 2024. Berdasarkan anggaran awalan tersebut, ekonomi Malaysia berkembang 5.8 peratus pada suku tahun kedua 2024, meningkat daripada 4.2 peratus pada suku tahun sebelumnya. Pertumbuhan yang dicatatkan ini adalah yang tertinggi semenjak suku keempat 2022 (7.4%). Bagi separuh pertama tahun 2024, KDNK meningkat 5.0 peratus berbanding 4.1 peratus pada tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Ekonomi Malaysia dijangka mengekalkan momentum pertumbuhannya, disokong oleh faktor domestik dan eksport dengan prospek positif untuk baki tempoh tahun ini. Peningkatan perbelanjaan penggunaan isi rumah dirangsang oleh musim perayaan dan cuti sekolah serta pembayaran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Fasa 2 pada April 2024. Tambahan lagi, sejumlah RM6.98 bilion telah dikeluarkan daripada Akaun 3 (Akaun fleksibel) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) setakat Jun 2024 untuk menyokong keperluan kewangan jangka pendek.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin, “Anggaran pertumbuhan yang dicatatkan pada suku kedua ini adalah sejajar dengan indikator terkini seperti Indeks Pengeluaran Perindustrian yang masing-masing meningkat 6.1 peratus dan 2.4 peratus pada April dan Mei 2024 berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, nilai jualan borong dan runcit meningkat 6.6 peratus pada April dan 7.1 peratus pada Mei berdasarkan asas tahun ke tahun. Bagi sektor luaran, jumlah perdagangan, eksport dan import mengalami peningkatan berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Faktor lain termasuk peningkatan ketibaan pelancong serta pengeluaran kelapa sawit dan kemajuan pembangunan projek mega.”

¹ Pengiraan anggaran KDNK awalan suku tahun pertama 2024 adalah berdasarkan kepada gabungan sumber data yang tersedia. Secara umumnya, terdapat perbezaan antara anggaran KDNK awalan dan KDNK sebenar disebabkan oleh ketersediaan data dari pelbagai sumber semasa tempoh penyusunan.

Seterusnya Dato' Sri Dr Mohd Uzir menjelaskan, "Prestasi ekonomi pada suku tahun ini dipacu oleh sektor Perkhidmatan, dengan hampir semua sektor utama menunjukkan pertumbuhan yang lebih baik berbanding suku tahun sebelumnya. Sektor **Perkhidmatan** terus meningkat kepada 5.6 peratus (ST1 2024: 4.7%), disokong oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, Pengangkutan & penyimpanan dan Kewangan & insurans."

Sektor **Pembuatan** meningkat kepada 4.7 peratus daripada 1.9 peratus pada suku tahun sebelumnya, disokong oleh pertumbuhan dalam semua subsektor, terutamanya Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka dan Produk petroleum, kimia, getah & plastik. Di samping itu, sektor **Pembinaan** kekal dengan pertumbuhan dua digit, 17.2 peratus (ST1 2024: 11.9%) yang didorong oleh prestasi yang kukuh dalam semua subsektor, terutamanya Kejuruteraan awam dan Aktiviti pembinaan pertukangan khas.

Beliau menambah, "Sektor **Pertanian** meningkat 7.1 peratus (ST1 2024: 1.6%) pada suku tahun ini, disumbangkan oleh pertumbuhan yang memberangsangkan dalam subsektor Kelapa sawit. Sementara itu, sektor **Perlombongan dan pengkuarian** bertumbuh perlahan kepada 3.3 peratus berbanding 5.7 peratus pada suku tahun sebelumnya, disebabkan oleh subsektor Gas asli yang menyederhana."

DOSM komited untuk menyusun dan menyebarkan statistik yang memenuhi keperluan pengguna statistik. Anggaran KDNK preliminari yang menyediakan set data analisis terperinci dan komprehensif bagi suku tahun kedua 2024 akan dikeluarkan pada 16 Ogos 2024.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
19 JULAI 2024**

LAMPIRAN

Carta 1: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), ST1 2022 – ST2 2024*



Nota: * Anggaran awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 1: KDNK mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar, ST1 2023 – ST1 2024*

Jenis aktiviti ekonomi	Peratus sumbangan kepada KDNK tahun 2023** (%)	Perubahan peratusan dari suku tahun yang sama tahun sebelumnya YOY (%)									
		2022	2023	2023				2024		1H 2023	1H 2024*
				ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2*		
KDNK	100.0	8.9	3.6	5.5	2.8	3.1	2.9	2.9	4.2	5.8	4.1
Pertanian	6.4	1.3	0.7	1.4	-0.7	0.3	1.9	1.6	7.1	0.3	4.4
Perlombongan & pengkuarian	6.2	3.5	0.5	1.6	-2.1	-1.1	3.5	5.7	3.3	-0.2	4.6
Pembuatan	23.4	8.1	0.7	3.2	0.1	-0.1	-0.3	1.9	4.7	1.7	3.3
Pembinaan	3.6	5.1	6.1	7.4	6.2	7.2	3.6	11.9	17.2	6.8	14.5
Perkhidmatan	59.2	11.0	5.1	7.1	4.5	4.9	4.1	4.7	5.6	5.8	5.2

Nota: * Anggaran awalan

** Tidak termasuk duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 19 Julai 2024

Jadual 2: Perbandingan Anggaran KDNK Awalan dan KDNK Preliminari pada Harga Malar, ST1 2023 – ST2 2024*

Aktiviti Ekonomi (YoY%)	2023								2024		
	ST1		ST2		ST3		ST4		ST1		ST2
	AE	Preliminari	AE	Preliminari	AE	Preliminari	AE	Preliminari	AE	Preliminari	AE
KDNK	5.4	5.5	3.1	2.8	3.3	3.1	3.4	2.9	3.9	4.2	5.8
Pertanian	1.1	1.4	-2.2	-0.7	0.8	0.3	1.2	1.9	1.3	1.6	7.1
Perlombongan & pengkuarian	2.2	1.6	-0.4	-2.1	-0.1	-1.1	3.7	3.5	4.9	5.7	3.3
Pembuatan	3.2	3.2	0.1	0.1	-0.1	-0.1	0.1	-0.3	1.9	1.9	4.7
Pembinaan	7.3	7.4	6.3	6.2	5.8	7.2	2.5	3.6	9.8	11.9	17.2
Perkhidmatan	7.1	7.1	5.0	4.5	5.1	4.9	4.7	4.1	4.4	4.7	5.6

Nota: AE = Anggaran awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



**MEDIA STATEMENT
ADVANCE GROSS DOMESTIC PRODUCT ESTIMATES
SECOND QUARTER OF 2024**

***Malaysia's GDP is estimated to expand by 5.8 per cent
in the second quarter of 2024***

PUTRAJAYA, 19 July 2024 – Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) released the advance Gross Domestic Product (GDP) estimates¹ for the second quarter of 2024. Based on advance estimates, Malaysia's economy expanded 5.8 per cent in the second quarter of 2024, up from 4.2 per cent in the previous quarter. This growth is the highest since the fourth quarter of 2022 (7.4%). For the first half of 2024, GDP increased by 5.0 per cent as compared to 4.1 per cent in the same period last year.

Malaysia's economy is expected to continue its growth momentum, supported by domestic and export-driven factors, with a positive outlook for the remainder of the year. The increase in household consumption expenditures was spurred by the festive and school holidays as well as the payment of Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Phase 2 in April 2024. Furthermore, a total of RM6.98 billion was withdrawn from the Account 3 (Flexible Account) of the Employees Provident Fund (EPF) as of June 2024 to support short-term financial needs.

According to the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The estimated growth for this second quarter was in line with the latest indicators such as the Industrial Production Index, which rose 6.1 per cent and 2.4 per cent, respectively in April and May 2024 as compared to the previous year. Meanwhile, the sales value of wholesale and retail increased 6.6 per cent in April and 7.1 per cent in May based on year-on-year basis. In the external sector, the total trade, exports and imports experienced an increase as compared to the same period last year. Other factors include the increase of tourist arrivals as well as oil palm production and the progress development of mega projects."

Dato' Sri Dr Mohd Uzir further explained, "The economic performance in this quarter was driven by the Services sector, with most key sectors showing better growth

¹ The computation of advance GDP estimates for the first quarter of 2024 is based on the availability of various data sources. In general, there are differences between the advance GDP estimates and the actual GDP due to the availability of data from various sources during the compilation period.

compared to the previous quarter. The **Services** sector further increased to 5.6 per cent (Q1 2024: 4.7%), bolstered by Wholesale & retail trade, Transportation & storage and Finance & insurance sub-sectors.”

The **Manufacturing** sector grew to 4.7 per cent from 1.9 per cent in the last quarter, supported by growth in all sub-sectors, mainly Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products and Petroleum, chemical, rubber & plastic products. Furthermore, the **Construction** sector remained with a double-digit growth of 17.2 per cent (Q1 2024: 11.9%), which was driven by strong performance across all sub-sectors, notably in Civil engineering and Specialised construction activities.

He added, “The **Agriculture** sector rose 7.1 per cent (Q1 2024: 1.6%) in this quarter, contributed by remarkable growth in the Oil palm sub-sector. Meanwhile, the **Mining and quarrying** sector eased to 3.3 per cent as against 5.7 per cent in the previous quarter, attributed to a moderation in the Natural gas sub-sector.”

DOSM is committed to compiling and disseminating statistics that serve the needs of statistical users. The preliminary GDP estimates, providing a detailed and comprehensive analysis for the second quarter of 2024 will be released on 16 August 2024.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”


The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
19 JULY 2024**

APPENDIX

Chart 1: Gross Domestic Product (GDP), Q1 2022 – Q2 2024*



Note : * Advance estimates

Source: Department of Statistics Malaysia

Table 1: GDP by Kind of Economic Activity at Constant Prices, Q1 2023 – Q2 2024*

Kind of economic activity	Percentage share to GDP year 2023** (%)	Percentage change from corresponding quarter of preceding year YOY (%)									
		2022	2023	2023				2024		1H 2023	1H 2024*
				Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2*		
GDP	100.0	8.9	3.6	5.5	2.8	3.1	2.9	4.2	5.8	4.1	5.0
Agriculture	6.4	1.3	0.7	1.4	-0.7	0.3	1.9	1.6	7.1	0.3	4.4
Mining & quarrying	6.2	3.5	0.5	1.6	-2.1	-1.1	3.5	5.7	3.3	-0.2	4.6
Manufacturing	23.4	8.1	0.7	3.2	0.1	-0.1	-0.3	1.9	4.7	1.7	3.3
Construction	3.6	5.1	6.1	7.4	6.2	7.2	3.6	11.9	17.2	6.8	14.5
Services	59.2	11.0	5.1	7.1	4.5	4.9	4.1	4.7	5.6	5.8	5.2

Note : * Advance estimates

** Exclude Import duties

Source: Department of Statistics Malaysia

Table 2: Comparison of Advance GDP Estimates and Preliminary GDP at Constant Prices, Q1 2023 – Q2 2024

Kind of economic activity (YoY%)	2023								2024		
	Q1		Q2		Q3		Q4		Q1		Q2
	AE	Preliminary	AE	Preliminary	AE	Preliminary	AE	Preliminary	AE	Preliminary	AE
GDP	5.4	5.5	3.1	2.8	3.3	3.1	3.4	2.9	3.9	4.2	5.8
Agriculture	1.1	1.4	-2.2	-0.7	0.8	0.3	1.2	1.9	1.3	1.6	7.1
Mining & quarrying	2.2	1.6	-0.4	-2.1	-0.1	-1.1	3.7	3.5	4.9	5.7	3.3
Manufacturing	3.2	3.2	0.1	0.1	-0.1	-0.1	0.1	-0.3	1.9	1.9	4.7
Construction	7.3	7.4	6.3	6.2	5.8	7.2	2.5	3.6	9.8	11.9	17.2
Services	7.1	7.1	5.0	4.5	5.1	4.9	4.7	4.1	4.4	4.7	5.6

Note : AE = Advance estimates

Source: Department of Statistics Malaysia